

# PM seru rakyat rapatkan jurang

Um-25/12/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

**Seluruh warganegara harus menghormati perbezaan masing-masing dan pada masa sama, mengukuh serta mempereratkan perpaduan dalam kepelbagaian yang dinikmati**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

sa memiliki kehendak dan konsisten bagi menikmati keharmonian negara, meluahkan semangat muhibah dan menghulurkan persahabatan antara satu sama lain.

“Satu cara bagi mencapai hasrat ini ialah melalui perkongsian sambutan perayaan warga Malaysia, tidak kira ia melibatkan perbezaan kaum dan agama,” katanya.

Sebagai Perdana Menteri, kata Abdullah, beliau menumpukan usaha ke arah mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang progresif dan hidup dalam keamanan, keharmonian, yakin serta berdaya saing.

“Pada masa yang sama, mereka berpegang teguh kepada tradisi kebudayaan bersama,” tegasnya.

**PUTRAJAYA** 24 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru rakyat Malaysia merapatkan jurang perbezaan antara kaum dan agama serta mengukuhkan persamaan yang menghubungkan mereka sempena perayaan Hari Natal esok.

Menurut Perdana Menteri, seluruh warganegara harus menghormati perbezaan masing-masing dan pada masa sama, mengukuh serta mempereratkan perpaduan dalam kepelbagaian yang dinikmati.

“Semangat muhibah dalam diri kita harus sentiasa dipupuk dan diamalkan. Kita

tidak boleh lupa bahawa kita berkongsi masa depan yang sama.

“Sempena perayaan Hari Natal sekali lagi, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal kepada semua penganut Kristian negara dan saya percaya semua warga

Malaysia juga akan melakukan perkara yang sama,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Hari Natal yang dikeluarkan oleh pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Abdullah berkata, warga Malaysia sentia-